

**MINIT MESYUARAT
MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (KUSKOP)
BILANGAN 2 TAHUN 2025**

TARIKH : 14 JULAI 2025 (ISNIN)

MASA : 10:00 - 11:35 PAGI

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT UTAMA
ARAS 5, BLOK E4/5, KUSKOP
PUTRAJAYA**


**PENGERUSI : YBHG. DATO' SRI KHAIRUL DZAIMEE BIN DAUD
KETUA SETIAUSAHA**


KEHADIRAN : SEPERTI DI LAMPIRAN A

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
1.0	PERUTUSAN PENGERUSI	
1.1	YBhg. Dato' Sri Pengerusi mengucapkan salam dan mengalu-alukan kehadiran ahli mesyuarat yang hadir di mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Bilangan 2 Tahun 2025.	
1.2	YBhg. Dato' Sri Pengerusi menarik perhatian ahli mesyuarat kepada perkara-perkara seperti berikut: i) Mengalukan kehadiran ahli mesyuarat MBJ yang baharu, YBhg. Datuk Saidatu Akhma binti Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan dan Keusahawanan) dan dari Pihak Pekerja Encik Muhammad Hilmi bin Nazilee, Pembantu Pustakawan yang mewakili Skim Bakat (B) dan	

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>Sosial (S);</p> <p>ii) YAB Perdana Menteri semasa ucapan perasmian Program MADANI Rakyat 2025 Terengganu telah menyatakan penghargaan kepada KUSKOP berhubung jumlah bantuan yang telah diberikan kepada para usahawan yang merangkumi pembiayaan modal, latihan, dan program pembangunan. Penghargaan ini merupakan pengiktirafan kepimpinan negara kepada komitmen dan kerjasama seluruh warga Kementerian dalam melaksanakan amanah yang diberikan;</p> <p>iii) Wakil Pihak Pekerja perlu mengambil inisiatif melaporkan usul yang memerlukan tindakan segera kepada pihak yang bertanggungjawab untuk mempercepatkan penyelesaian masalah, ini bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan warga Kementerian sentiasa terpelihara; dan</p> <p>iv) Membudayakan amalan gaya hidup sihat selaras dengan Agenda Nasional Malaysia Sihat seperti aktiviti sukan dan rekreasi yang dapat meningkatkan kesejahteraan mental serta fizikal.</p> <p>MAKLUM BALAS PERKARA BERBANGKIT DAN PEMBENTANGAN USUL BAHARU</p> <p>v) Maklum balas perkara berbangkit dalam mesyuarat MBJ Bil. 1/2025 seperti berikut:</p> <p>a) Pemakaian batik seragam Kementerian;</p> <p>b) Kelengkapan Peralatan Teknologi Maklumat dan</p>	

BIL.	PERKARA		TINDAKAN
	<p>Komunikasi (ICT) Yang Terhad;</p> <p>c) Keceriaan ruang lobi Kementerian; dan</p> <p>d) Aktiviti sukan, sosial dan riadah.</p> <p>Manakala usul baharu dari Pihak Pekerja untuk dibincangkan bersama seperti berikut:</p> <p>a) Pusingan kerja bagi jawatan Kader;</p> <p>b) Kuota khas saham Bank Rakyat; dan</p> <p>c) Sesi interaktif turun padang Ketua Setiausaha bersama warga kerja Pusat Khidmat Kontraktor Negeri.</p>		
2.0	PERUTUSAN Pengerusi Pihak Pekerja		
	2.1	Pengerusi Perwakilan Pihak Pekerja mengucapkan salam kepada semua ahli mesyuarat yang hadir.	MAKLUMAN
	2.2	Pihak Pekerja memaklumkan telah menerima 13 usul baharu secara keseluruhan daripada warga Kementerian, walau bagaimanapun hanya 3 usul dibawa ke mesyuarat ini dan usul-usul lain telah diselesaikan diperingkat Pihak Pekerja.	
3.0	PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MBJ BIL. 1/2025		
	3.1	<p>Minit Mesyuarat MBJ Bil. 1/2025 bertarih 21 Mac 2025 disahkan dengan pindaan pada perkara 4.2 seperti berikut:</p> <p>“Pihak KUSCOOP melaksanakan rundingan harga bersama pihak pembekal KIRANA UDA bagi memastikan harga baju batik korporat KUSKOP pada harga RM100.00 ke bawah agar tidak</p>	MAKLUMAN

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>membebankan warga KUSKOP” kepada:</p> <p>“Pihak KUSCOOP melaksanakan rundingan harga bersama pihak pembekal bagi memastikan harga baju batik korporat KUSKOP pada harga RM100.00 ke bawah agar tidak membebankan warga KUSKOP”.</p>	
4.0	MAKLUM BALAS DARIPADA MINIT MESYUARAT MBJ BIL. 1/2025	
4.1	<p>PEMAKAIAN BATIK SERAGAM KEMENTERIAN</p> <p>Koperasi KUSKOP (KUSCOOP) Berhad memaklumkan perkara seperti berikut:</p> <p>i) KUSCOOP Berhad telah menjalankan survei pemilihan pakaian batik seragam bermula dari 13-19 Mei 2025 dan telah berjaya mengumpulkan sebanyak 323 maklum balas daripada warga Kementerian. Keputusan survei pemilihan reka bentuk dan warna baju menunjukkan ‘Pilihan 1’ memperoleh undian tertinggi sebanyak 54.9%, manakala ‘Pilihan 2’ menerima 45.1% undian.</p> <div style="text-align: center;">  <p>Pilihan 1</p> </div>	MAKLUMAN

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<div style="text-align: center;">  <p>Pilihan 2</p> </div> <p>ii) Perbincangan lanjut berhubung rundingan harga sedang dijalankan bersama pihak pembekal agar tidak membebankan warga KUSKOP.</p> <p>Mesyuarat bersetuju dengan tindakan perkara berikut:</p> <p>iii) Pihak KUSCOOP Berhad mendahulukan bayaran awal pembelian pakaian batik berkenaan kepada pembekal dan warga KUSKOP seterusnya akan membuat bayaran secara bulanan kepada KUSCOOP Berhad sehingga selesai.</p> <p>Mesyuarat telah mempertimbangkan maklum balas serta BERSETUJU dengan cadangan penyelesaian.</p>	<p>MAKLUMAN</p> <p>KUSCOOP</p> <p>SELESAI</p>
4.2	<p>KELENGKAPAN PERALATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT) YANG TERHAD</p> <p>Bahagian Kewangan dan Pembangunan (BKew) memaklumkan perkara seperti berikut:</p>	

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>i) BKew akan mengenal pasti penjimatan sedia ada berdasarkan kos yang dikemukakan dari BKP.</p> <p>Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) memaklumkan perkara seperti berikut:</p> <p>ii) Unjuran perolehan <i>smart tv</i> menggunakan baki peruntukan harta modal telah pun dikemukakan kepada BKew pada 4 Julai 2025. Anggaran sebanyak 5 buah <i>smart tv</i> akan disediakan selewat-lewatnya September 2025 (tertakluk kepada kelulusan kewangan dan proses perolehan).</p> <p>Mesyuarat telah mempertimbangkan maklum balas serta BERSETUJU dengan saranan yang dikemukakan.</p>	<p>MAKLUMAN</p> <p>MAKLUMAN</p> <p>SELESAI</p>
4.3	<p>KECERIAAN RUANG LOBI DI KEMENTERIAN</p> <p>BKP memaklumkan perkara seperti berikut:</p> <p>i) Tindakan berkaitan landskap <i>island</i> tersebut telah diselesaikan oleh pihak Pengurusan Fasiliti. Kawasan tersebut juga akan terus ditambah baik dari semasa ke semasa. Pengurusan ruangan dan keceriaan lobi utama KUSKOP akan diambil alih oleh KUSCOOP Berhad mulai 1 Ogos 2025.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum mengenai perkara berikut:</p> <p>ii) Kontrak sewaan kiosk coffee telah tamat pada 31 Mei 2025, mesyuarat bersetuju warga Kementerian diberi peluang untuk meletak barang niaga seperti kuih-muih atau nasi lemak</p>	<p>MAKLUMAN</p> <p>MAKLUMAN</p>

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>bungkus di kiosk coffee berkenaan sementara menunggu pengurusan ruangan dan keceriaan lobi diambil alih sepenuhnya oleh KUSCOOP Berhad pada 1 Ogos 2025.</p> <p>iii) BKP akan menyenaraikan semua masalah kerosakan yang dihadapi sebelum Pengurusan Fasiliti yang baru di lantik pada bulan Ogos 2025.</p> <p>Mesyuarat telah mempertimbangkan maklum balas serta BERSETUJU dengan saranan yang dikemukakan.</p>	<p>BKP</p> <p>SELESAI</p>
4.4	<p>AKTIVITI SUKAN, SOSIAL DAN RIADAH</p> <p>Kelab Sukan dan Kebajikan KUSKOP (KESUKMA) memaklumkan perkara seperti berikut:</p> <p>i) Kejohanan Sukan Piala KSU bagi Sukan Inter Bahagian (SUKIB) KUSKOP 2025 sedang berlangsung mulai 4 Julai - 1 Ogos 2025. Kejohanan ini melibatkan Bahagian/Unit dan Pejabat di bawah naungan sektor Pejabat Anggota Pentadbiran, Ketua Setiausaha, Pembangunan, Dasar dan Pengurusan. Antara acara yang dipertandingkan iaitu karom, <i>treasure hunt</i>, bola tampar, ping pong, <i>dart</i>, bola jaring dan futsal.</p> <p>ii) Objektif penganjuran kejohanan ini adalah untuk meningkatkan keharmonian, amalan gaya hidup sihat serta merapatkan hubungan silaturrahim antara warga kerja Bahagian/Unit dan Pejabat seterusnya dapat meningkatkan semangat dan kerjasama berpasukan, selain dapat mengenalpasti dan melahirkan atlet baharu untuk</p>	<p>MAKLUMAN</p> <p>MAKLUMAN</p>

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>diketengahkan bagi mewakili KUSKOP ke peringkat kejohanan Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan Wilayah Persekutuan (MAKSWIP) dan Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-anggota Kerajaan Malaysia (MAKSAK).</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum mengenai perkara berikut:</p> <p>iii) Menyarankan semua warga Kementerian mengambil bahagian dalam Kejohanan SUKIB 2025.</p> <p>Mesyuarat telah mempertimbangkan maklum balas serta BERSETUJU dengan saranan yang dikemukakan.</p>	<p>MAKLUMAN</p> <p>SELESAI</p>
5.0	PEMBENTANGAN USUL/ISU BAHARU PIHAK PEKERJA	
5.1	<p>PUSINGAN KERJA BAGI JAWATAN KADER</p> <p>Pihak Pekerja memaklumkan perkara berikut:</p> <p>i) Dalam usaha memastikan setiap Kementerian/Jabatan berupaya meningkatkan penyampaian perkhidmatan secara optimum dan berkesan, pelaksanaan pusingan kerja merupakan salah satu inisiatif yang disasarkan dalam Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam selari dengan Surat Edaran Pelaksanaan Urusan Pusingan Kerja yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam pada 14 Mei 2024.</p> <p>ii) Menyarankan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) mengenal pasti dan memaklumkan kepada Ketua</p>	

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara iv) disusuli hingga selesai.	
5.2	<p>KUOTA KHAS SAHAM BANK RAKYAT</p> <p>Pihak Pekerja memaklumkan perkara berikut:</p> <p>i) Elemen keusahawanan dalam pelaburan patut dibudayakan dikalangan warga Kementerian melalui pelaburan Saham Bank Rakyat dengan pemberian kuota khas saham berkenaan kepada warga Kementerian dan ini secara tidak langsung dapat menjana pendapatan tambahan warga Kementerian.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju akan perkara berikut:</p> <p>ii) Mengemukakan surat kepada Pengerusi Bank Rakyat untuk mempertimbangkan pemberian kuota khas saham Bank Rakyat kepada warga Kementerian.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ii) disusuli hingga selesai.</p>	PK KSU
5.3	<p>SESI INTERAKTIF TURUN PADANG KETUA SETIAUSAHA KUSKOP BERSAMA WARGA KERJA PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR NEGERI</p> <p>Pihak Pekerja memaklumkan perkara berikut:</p> <p>i) Mencadangkan Sesi Interaktif Turun Padang Ketua</p>	

BIL.	PERKARA		TINDAKAN
		<p>Setiausaha secara bersemuka bersama warga kerja Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) di setiap negeri. Tujuan utama program ini adalah untuk mewujudkan saluran interaksi dan komunikasi dua hala antara pihak pengurusan tertinggi dengan warga kerja PKK negeri bagi membincangkan hal-hal berkaitan perkhidmatan, pembangunan kerjaya serta melihat secara langsung persekitaran operasi kerja pejabat PKK di setiap negeri.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju akan perkara berikut:</p> <p>ii) PKK (Ibu Pejabat) mengatur program ini dimulai dengan PKK Cawangan Negeri Sarawak, Sabah dan Johor.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ii) disusuli hingga selesai.</p>	<p>PKK</p>
6.0	HAL-HAL LAIN		
	6.1	<p>SESI PERKONGSIAN ILMU</p> <p>Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan) memaklumkan perkara berikut:</p> <p>i) Supaya KUSCOOP Berhad mengadakan sesi perkongsian ilmu bersama pegawai Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) untuk memberi pemahaman yang lebih mendalam tentang koperasi, pengurusan koperasi dan amalan terbaik dalam operasi koperasi.</p>	

BIL.	PERKARA		TINDAKAN
	<p>Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju akan perkara berikut:</p> <p>ii) KUSCOOP Berhad mengadakan sesi perkongsian ilmu secara fizikal atau online sekali gus dapat menarik minat warga Kementerian berdaftar menjadi ahli KUSCOOP Berhad.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ii) disusuli hingga selesai.</p>		<p>KUSCOOP BERHAD</p>
6.2	<p>PELAKSANAAN MESYUARAT MBJ DI LUAR PEJABAT.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum perkara berikut:</p> <p>i) YBhg. Dato' Sri mencadangkan untuk mengadakan mesyuarat MBJ di luar pejabat untuk memberi nilai tambah serta meningkatkan fokus dan produktiviti ahli mesyuarat. MBJ yang aktif secara tidak langsung akan dapat menyemai semangat positif bekerja di kalangan pekerja untuk berkhidmat dengan lebih dedikasi, efisien dan produktif.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara i) disusuli hingga selesai.</p>		<p>PIHAK PEKERJA & URUS SETIA MESYUARAT</p>
7.0	PENUTUP		
7.1	<p>YBhg. Dato' Sri Pengerusi menzahirkan ucapan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat dan berharap segala isu serta cadangan penyelesaian dapat dilaksanakan sesegera mungkin</p>		

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>dengan impak yang terbaik untuk kesejahteraan semua warga Kementerian.</p> <p>7.2 Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.35 pagi dengan ucapan salam oleh YBhg. Dato' Sri Pengerusi.</p>	

Disediakan oleh:


(SAIFUL AZMI BIN AB HALIM)
 Setiausaha Bersama (Majikan)
 Majlis Bersama Jabatan

Tarikh: 18/7/2025

Disediakan oleh:


(NADHRAH ATHILAH BINTI RAZALI)
 Setiausaha Bersama (Pekerja)
 Majlis Bersama Jabatan

Tarikh: 23/7/2025

Disemak oleh:


(DR. MOHD FAIZAL BIN ABDUL GHANI)
 Pengerusi (Pihak Pekerja)
 Majlis Bersama Jabatan

Tarikh: 23/7/2025

Disahkan oleh:


(DATO' SRI KHAIRUL DZAIMEE BIN DAUD)
 Pengerusi
 Majlis Bersama Jabatan

Tarikh: 28/7/2025

LAMPIRAN A

SENARAI KEHADIRAN

**MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (KUSKOP)
BILANGAN 2 TAHUN 2025**

PIHAK PENGURUSAN

1. **YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimie bin Daud** - *Pengerusi*
Ketua Setiausaha
2. **YBhg. Datuk Saidatu Akhma binti Hassan**
Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan dan Keusahawanan)
3. **Encik Mohd Asri bin Mohamed**
Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan)
4. **Puan Nur Ezwin binti Kamarudin**
Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
5. **Dr. Syahrul Idzuan bin Mohamad**
Setiausaha Bahagian Kewangan dan Pembangunan
6. **Encik Amaruddin bin Isa**
Setiausaha Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat
7. **Encik Sharhan bin Shokery**
Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan

8. **Encik Noorazman Ariff bin Azizul Rahman**
Pengarah Pusat Khidmat Kontraktor

9. **Encik Ariff Murzali bin Ramlee**
Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

10. **Encik Saiful Azmi bin Ab Halim** - Setiausaha Bersama
Penolong Pegawai Tadbir
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

PIHAK PEKERJA

11. **Dr. Mohd Faizal bin Abdul Ghani** - Pengerusi Pihak Pekerja
Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Pembangunan Koperasi, Penjaja dan Peniaga Kecil
- mewakili Skim Perkhidmatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (Gred M12)

12. **Puan Nadhrah Athilah binti Razali** - Setiausaha Bersama
Penolong Pegawai Tadbir
Bahagian Khidmat Pengurusan
- mewakili Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir (Gred N5-N6)

13. **Ts. Puan Azian Fatilah binti Mia**
Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian *Business Licensing Electronic Support System*
- mewakili Skim Perkhidmatan Pegawai Teknologi Maklumat (Gred F12)

14. **Puan Arnydah binti Abdul Aziz**
Akauntan
Bahagian Akaun
- mewakili Skim Perkhidmatan Akauntan (Gred W9-W12)

15. **Encik Mohd Najmi bin Ismail**
Penolong Setiausaha
Bahagian Pemerkasaan dan Pemantauan Keusahawanan
- mewakili Skim Perkhidmatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (Gred M9-M10)
16. **Ir. Puan Zawiyatul Qubtiyah binti Baharom**
Penolong Pengarah
Pusat Khidmat Kontraktor (Ibu Pejabat)
- mewakili Skim Perkhidmatan Jurutera/ Arkitek/ Juruukur Bahan (Gred J9-J12)
17. **Puan Noorain binti Baharin**
Penolong Juruukur Bahan
Pusat Khidmat Kontraktor (Ibu Pejabat)
- mewakili Skim Perkhidmatan Pelukis Pelan (Kejuteraan Awam)/ Penolong Jurutera/
Penolong Juruukur Bahan (Gred J5-J7)
18. **Puan Nurhanisah binti Razali**
Penolong Pegawai Tadbir
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
- mewakili Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir (Gred N5-N6)
19. **Puan Izzah Hazwani binti Azmi**
Penolong Pegawai Undang-Undang
Pejabat Penasihat Undang-Undang
- mewakili Skim Perkhidmatan Pegawai Undang-Undang (Gred L9-L12) dan Penolong
Pegawai Undang-Undang (Gred L5-L7)
20. **Encik Mohd Zain bin Md Ludin**
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat
- mewakili Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (Gred F5-F7)

21. **Puan Aaida binti Md Nordin**
Setiausaha Pejabat
Pejabat Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan)
- mewakili Skim Perkhidmatan Pembantu Khas, Pembantu Setiausaha
Pejabat/Setiausaha Pejabat (Gred N1-N6)

22. **Encik Hafid bin Madderi**
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
- mewakili Skim Perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) (Gred N1-N3)

23. **Encik Muhammad Baihaqi bin Sulaman**
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Bahagian Kewangan dan Pembangunan
- mewakili Skim Perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) (Gred N1-N3)

24. **Puan Ilyyana binti Abd Rahim**
Pembantu Tadbir (Kewangan)
Bahagian Kewangan dan Pembangunan
- mewakili Skim Perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kewangan) (Gred N1-N3)

25. **Encik Muhammad Hilmi bin Nazilee**
Pembantu Pustakawan
Bahagian Khidmat Pengurusan
- mewakili Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Penerangan/Penolong Pegawai Hal
Ehwal Islam/ Penolong Pegawai Psikologi/ Penolong Pustakawan (Gred S5-S6) dan
Pembantu Pustakawan (Gred S1-S4)/ Jurufotografi/ Pereka (Gred B1-B4).

26. **Encik Mohd Fuad bin Asrumni**
Pengawal Keselamatan
Bahagian Khidmat Pengurusan
- mewakili Skim Perkhidmatan Pembantu Keselamatan (Gred KP1)

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

PIHAK PEKERJA

1. **Puan Rohaizan binti Ismail**
Pegawai Hal Ehwal Islam
Unit Integriti
- mewakili Skim Perkhidmatan Pegawai Penerangan/ Pegawai Arkib/ Pegawai Hal Ehwal Islam/ Pegawai Psikologi/ Pustakawan (Gred S9-S12)
2. **Encik Abdul Azeef bin Abdul Ariff**
Penolong Setiausaha
Bahagian Pembangunan Koperasi, Penjaja dan Peniaga Kecil
- mewakili Skim Perkhidmatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (Gred M9-M10)
3. **Encik Sofiyuddin bin Mat Salleh**
Penolong Setiausaha
Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat
- mewakili Skim Perkhidmatan Pegawai Teknologi Maklumat (Gred F9-F10)
4. **Encik Munasir bin Ab Rahim**
Penolong Akauntan
Bahagian Akaun
- mewakili Skim Perkhidmatan Penolong Akauntan (Gred W5-W6)
5. **Encik Mohd Farid bin Alias**
Pembantu Khidmat Am
Pusat Khidmat Kontraktor (Ibu Pejabat)
- mewakili Skim Pembantu Khidmat Am (Gred H1)
6. **Encik Mohd Rizal bin Mahmood**
Pembantu Khidmat Am
Bahagian Khidmat Pengurusan
- mewakili Skim Pembantu Khidmat Am (Gred H1)

TURUT HADIR BERSAMA

1. **Encik Syarunizam bin Shahwan**
Timbalan Setiausaha Bahagian
Bahagian Pemerkasaan dan Pemantauan Keusahawanan
- mewakili Koperasi KUSKOP (KUSCOOP) Berhad

2. **Encik Muhammad Akram bin Kamaruddin**
Penolong Pegawai Tadbir
Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa
- mewakili Kelab Sukan dan Kebajikan KUSKOP (KESUKMA)

3. **Encik Kharozuki bin Mustapha**
Pembantu Tadbir (Pekeranian/Operasi)
Bahagian Pembangunan Koperasi, Penjaja dan Peniaga Kecil
- mewakili Kelab Sukan dan Kebajikan KUSKOP (KESUKMA)

URUS SETIA

1. **Puan Nur Syafiqah Faziana binti Ismail**
Penolong Setiausaha
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

2. **Encik Amir Izham bin Alias**
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia